

# Wakil pembangkang sertai jawatankuasa khas pandemik

Usaha kolektif semua pemegang taruh urus wabak

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.my

**Kuala Lumpur:** Sidang Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 kini dikenali sebagai Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik dengan pembabitan wakil daripada parti pembangkang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pendekatan itu dibuat sebagai an-

tara usaha kolektif untuk memabitkan semua pemegang taruh termasuk pembangkang dalam menguruskan pandemik COVID-19 di negara ini.

Beliau berkata, ia penting bagi memastikan pemulihan negara berjalan seperti yang dirancang, seiring dengan semangat Keluarga Malaysia.

“Mesyuarat hari ini (semalam) sebulat suara bersetuju supaya Sidang Khas ini dikenali sebagai Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik memabitkan wakil daripada parti pembangkang,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Sejak mengambil alih pentadbiran sejak 20 Ogos lalu, Ismail Sabri menawarkan ruang kepada

pemimpin pembangkang untuk menganggotai Majlis Pemulihan Negara (MPN) dan Jawatankuasa Khas Menangani COVID-19.

Tawaran itu diumumkan ketika beliau menyampaikan ucapan khas pertamanya selepas dua hari dilantik sebagai Perdana Menteri kesembilan.

Perdana Menteri berkata, kestabilan politik perlu segera dicapai menerusi kebersamaan, termasuk mewujudkan kerjasama rentas parti kerana kemelut politik yang melanda negara menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat.

Ia juga bersempena dengan titah Yang di-Pertuan Agong ketika sesi menghadap baru-baru ini supaya semua ketua parti po-

litik melupakan segala perbezaan demi mencapai kesejahteraan dan kebajikan rakyat.

Pada 25 Ogos lalu, Perdana Menteri turut mengadakan rundingan dengan Ketua Pembangkang merangkap Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Pertemuan itu adalah bagi kerjasama dalam memperkasa fungsi Parlimen dan mencapai agenda kepentingan rakyat dalam mencari titik persamaan yang terbaik bagi menangani krisis pandemik COVID-19, menjaga nyawa dan keselamatan diri daripada ancaman wabak.

“Ia penting bagi memastikan pemulihan negara berjalan seperti yang dirancang, seiring dengan semangat Keluarga Malaysia”



Ismail Sabri Yaakob,  
Perdana Menteri

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, berdasarkan unjuran data Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), purata kadar vaksinasi di setiap negeri dijangka mencapai 80 peratus bagi populasi dewasa menjelang penghujung September ini.

Katanya, beliau percaya kadar vaksinasi 100 peratus akan dicapai akhir bulan depan, sekaligus memberi perlindungan kepada Keluarga Malaysia.

BH- 3/9/2021 ml/8: 2